

01/09/1998

Dana Khas terima RM1.3 juta

M Thillinadan; Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Isnin - Sejumlah RM1.3 juta dikumpul bagi mengisi Dana Khas Negara yang disumbangkan oleh pelbagai pihak di negeri ini untuk membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima sumbangan itu bagi pihak kerajaan pada satu majlis khas di Padang Kota Lama, di sini semalam.

Majlis itu diadakan selepas tengah malam sebaik saja memasuki tarikh 31 Ogos yang disambut dengan teriakan 'Merdeka' oleh Dr Mahathir bersama lebih 10,000 rakyat pelbagai lapisan masyarakat yang membanjiri kawasan berkenaan.

Pada majlis itu kerajaan negeri, badan berkanun dan kakitangan jabatan kerajaan menyumbangkan sebanyak RM363,609.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Shariff Omar, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Jamaluddin Ahmad Damanhuri, wakil Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Perbandaran Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Pihak Berkuasa Air (PBA) negeri.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) negeri pula menyampaikan sumbangan sebanyak RM180,000.

Sumbangan disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Shariff Omar mewakili Umno, Naib Pengerusi Gerakan Negeri, Dr Goh Cheng Tek; Pengerusi MCA negeri, Datuk Dr Sak Cheng Lum; Pengerusi MIC negeri, Dr K Rajaphaty dan Setiausaha BN negeri, Datuk Khalid Ahmad.

Sumbangan turut diterima dari Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang (RM200,000); Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang (RM50,000); Dewan Perniagaan India Pulau Pinang (RM10,000); kilang yang beroperasi di Zon Perindustrian Pulau Pinang (RM142,000); Persekutuan Pekilang Malaysia (RM100,000); Bekas Murid Sekolah Chung Ling (RM60,000) dan Datuk Seri H'ng Bok (RM50,000).

Selain itu, sumbangan diterima daripada beberapa penderma dan kutipan pembelian Jalur Gemilang oleh orang ramai berjumlah RM157,786.

Sumbangan itu sebagai sokongan penuh rakyat Pulau Pinang kepada kepemimpinan Perdana Menteri untuk menangani kegawatan ekonomi yang dihadapi negara ketika ini.

Beberapa persembahan bertemakan kemerdekaan turut diadakan sempena majlis itu antaranya, pentomen menentang penjajah, bacaan sajak, tarian serta nyanyian.

(END)